

TEKS ALUAN

Y.BHG. PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA BINTI ABDUL RAHIM

NAIB CANSOLOR UTeM

MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT OLEH

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

14 September 2020 (Isnin), 4.30 Petang

Bilik Jamuan Utama, Aras 5 Bangunan Canselori

Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM

Yang Berusaha Encik Khairul bin Taib

Bendahari UTeM

Yang Berusaha Tuan Haji Bostamam Bin Hassan

Assistant General Manager, Strategic Relation, Headquarters

Pegawai-pegawai dari Bank Islam Malaysia Berhad

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh

1. Alhamdulillah, saya merafa'kan setinggi-tinggi kersyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada petang ini, kita dapat bersama dalam **Majlis Penyerahan Zakat Oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).**

2. Bank Islam Malaysia Berhad yang merupakan bank utama Universiti saban tahun telah menyumbangkan zakat korporat kepada Universiti. Pada kali ini sejumlah RM 35,000 disumbangkan oleh Bank Islam kepada pihak UTeM. Jutaan terima kasih di atas sumbangan zakat korporat ini.

3. Sumbangan ini amatlah berharga kerana sedikit sebanyak mampu meringankan beban kewangan pelajar terutama dari kumpulan B40, yang mempunyai isi rumah 40% terendah.

4. Sebagai makluman, berdasarkan statistik yang direkodkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar, pelajar UTeM yang berada di dalam kategori B40 adalah sebanyak 60%.

5. Kumpulan pelajar seharusnya dibantu dari segi kebajikan iaitu melalui pemberian zakat, bantuan pendidikan, sumbangan dan sebagainya agar mereka dapat menamatkan pengajian sebaiknya, tanpa sebarang kerunsingan sumber kewangan, seterusnya diharapkan dapat meningkatkan kualiti kehidupan keluarga masing-masing di masa akan datang.

6. Bagi pengurusan agihan zakat di UTeM, Unit Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar merupakan unit yang bertanggungjawab sebagai Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Agihan Zakat UTeM yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) untuk menentukan pelajar yang layak menerima bantuan zakat.

7. Jawatankuasa ini turut dibantu oleh Fakulti dalam menyalurkan maklumat senarai pelajar yang layak menerima bantuan zakat.

8. Kadar agihan zakat yang disalurkan kepada pelajar yang layak adalah sebanyak RM300 secara one-off dan pernah juga bantuan disalurkan bagi pembayaran yuran pengajian pelajar.

9. Selain dari zakat korporat yang diterima untuk membantu pelajar, Universiti turut mengambil inisiatif menubuhkan Tabung Endowmen UTeM, Tabung Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM.

10. Tabung-tabung kebajikan ini bertujuan untuk mengumpul dana sumbangan daripada syarikat korporat, agensi luar, orang ramai, individu, alumni, Pusat Tanggungjawab dan staf UTeM bagi tujuan menyemarakkan lagi aktiviti pendidikan dan kebajikan di Universiti ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Bank Islam Malaysia Berhad** di atas kesudian untuk menghulurkan zakat kepada UTeM pada tahun 2020.

12. Semoga sumbangan zakat dan sebarang bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak **Bank Islam Malaysia Berhad** akan berterusan di masa akan datang dan hubungan serta kerja sama terjalin ini akan dapat dimanfaatkan oleh kita bersama.
13. Semoga usaha kita bersama ini memperoleh keberkatan dan keredhaan Allah SWT.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.* Terima kasih.